



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 28 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	251 TAN KAYU BERKULAT DIARAH DIHANTAR SEMULA KE LATVIA, BERITA RTM -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	MAQIS ARAH 251 TAN KAYU BERKULAT DIHANTAR BALIK KE LATVIA, BERNAMA -ONLINE	
3.	JERING, PETAI BERULAT TANPA DOKUMEN DIRAMPAS MAQIS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
4.	MAQIS SEKAT KEMASUKAN JERING, PETAI BERULAT, BULETIN TV3 -ONLINE	
5.	MAQIS SITA 10 KONTENA MUATAN KAYU BERULAT DARI LATVIA, BUTTERWORTH, SH -26	
6.	10 KONTENA KAYU BERKULAT DIARAH PATAH BALIK KE LATVIA, DALAM NEGERI, UM -33	
7.	MAQIS RAMPAS PETAI, JERING ADA ULAT DI PD, NEGARA, KOSMO -16	
8.	ULAT GULUNG DAUN SERANG SAWAH DI PERLIS, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9.	700 HEKTAR SAWAH DI PERLIS HADAPI MASALAH SERANGAN ULAT PUTIH, BERNAMA -ONLINE	
10.	ULAT GULUNG DAUN SERANG 700 HEKTAR SAWAH DI PERLIS, KANGAR, SH -27	
11.	700 HEKTAR SAWAH DISERANG ULAT PUTIH, NASIONAL, BH -22	
12.	DAH 2 MINGGU 'MENGGANAS', LOKAL, HM -21	
13.	BERJAYA USAHAKAN LADANG WALAU BERMULA TANPA PENGALAMAN, NASIONAL, BH -15	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
14.	GENTAR PANDUAN KAKITANGAN NAFAS BEBAS RASUAH, NASIONAL, SH -9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
15.	33,300 ANAK BENIH DILEPASKAN, TINGKAT HASIL TANGKAPAN, TRDI,MY -ONLINE	LAIN-LAIN
16.	MUSANG KING DIJUAL RM350 SEBIJI, NEGARA, KOSMO -14	
17.	NEW BENCHMARK IN AGRI SECTOR, NATION, THE STAR -19	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2024	BERITA RTM	ONLINE	

251 tan kayu berkulat diarah dihantar semula ke Latvia



"Kawalan terhadap perosak dan penyakit seperti kulat kayu adalah penting bagi memastikan industri pertanian negara terpelihara terutamanya melibatkan tanaman ladang dan lain-lain," menurut kenyataan MAQIS Pulau Pinang.

Perbuatan mengimport sebarang jenis keluaran pertanian, tumbuhan, binatang,

karkas, ikan, tanih dan mikroorganisma yang mempunyai perosak adalah kesalahan bawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



Malay



AM > BERITA

MAQIS Arah 251 Tan Kayu Berkulat Dihantar Balik Ke Latvia

🕒 27/08/2024 04:32 PM



Kredit MAQIS Pulau Pinang

BUTTERWORTH, 27 Ogos (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang mengarahkan dagangan kayu seberat 251 tan metrik bernilai RM203,726 yang berasal dari Latvia berpatah balik ke negara asal, hari ini.


MAQIS Pulau Pinang dalam kenyataan memaklumkan kesemua kayu itu ditahan dan tidak dibenarkan kemasukan ke dalam negara selepas pemeriksaan rutin yang dilakukan oleh pihaknya menemukan kulat *Trichoderma sp.*

"Pemeriksaan pihak MAQIS menemukan kulat *Trichoderma sp* pada kayu jenis *White Birch Logs* (Betula Pendula) di dalam 10 kontena yang ingin dibawa masuk ke negara ini sebelum kesemua 251 tan metrik kayu itu diarah berpatah balik ke negara asal.

"Kawalan terhadap perosak dan penyakit seperti kulat kayu adalah penting bagi memastikan industri pertanian negara terpelihara terutamanya melibatkan tanaman ladang dan lain-lain," menurut kenyataan itu.

Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, tanah dan mikroorganisma yang mempunyai perosak ialah kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial), [@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

KATA KUNCI

[maqis pulau pinang](#) [kayu](#) [hantar balik](#) [kulat](#) [latvia](#)

BERITA BERKAITAN



Starlink Mudahkan Orang Asli Kampung Sungai Tonggang Promosi Ekopelancongan

🕒 6hari lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Jering, petai berulat tanpa dokumen dirampas Maqis



Buah petai dan jering didapati mengandungi ulat *Mussidia pectinicornella* yang berisiko kepada komoditi pertanian di negara ini.

MELAKA – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis berjaya menahan kemasukkan jering dan petai berulat tanpa dokumen pengimportan dari Dumai, Indonesia.

Pengarah Maqis Melaka dan Negeri Sembilan, Nora Dinah Abdul Rahman berkata, dalam kejadian 20 Ogos lalu, pihaknya berjaya menemukan ulaman itu dalam sebuah kotak seberat empat kilogram dianggarkan

bernilai RM200.

“Hasil pemeriksaan rutin pegawai penguat kuasa Maqis di laluan Jeti Penumpang Port Dickson, Negeri Sembilan, produk pertanian itu didapati tidak mempunyai sebarang dokumen pengimportan yang sah.

“Ini termasuklah seperti sijil fitosanitasi atau pengesahan bahawa rawatan atau keperluan-keperluan yang dinyatakan di dalam permit import telah dipatuhi,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berjaya menahan kemasukkan jering dan petai berulat tanpa dokumen pengimportan dari Dumai, Indonesia.

Tambahnya, melalui pintasan dan persampelan yang dilakukan juga, buah petai dan jering didapati mengandungi ulat *Mussidia pectinicornella* yang berisiko kepada komoditi pertanian di negara ini.

“Justeru, barangan pertanian tersebut telah disita dan akan dilupuskan mengikut kaedah pelupusan yang ditetapkan.

“Individu yang ingkar boleh dihadapkan prosiding undang-undang mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya.

Tegas Nora Dinah, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, tanah dan mikroorganisma tanpa permit, lesen atau perakuan yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta 728.

“Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

“MAQIS sentiasa teliti dan cekap dalam menjalankan pemeriksaan terhadap keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara bagi menjamin setiap keluaran pertanian tiada perosak, penyakit atau bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

MAQIS sekat kemasukan jering, petai berulat



PORT DICKSON: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menahan kemasukan sekotak buah jering dan petai seberat empat kilogram dari Dumai, Indonesia.

Menurut Pengarah MAQIS Melaka dan Negeri Sembilan, Nora Dinah Abdul Rahman

penahanan itu dibuat selepas pemeriksaan rutin dijalankan pegawai penguatkuasa MAQIS di laluan Jeti Penumpang Port Dickson, Negeri Sembilan di sini semalam.

Produk pertanian itu katanya tidak mempunyai sebarang dokumen import yang sah seperti sijil fitosanitasi atau pengesahan bahawa rawatan atau keperluan-keperluan yang dinyatakan di dalam permit import telah dipatuhi.

“Melalui pintasan dan persampelan yang dilakukan juga, buah petai dan jering itu didapati mengandungi ulat jenis ‘Mussidia pectinicornella’ yang berisiko kepada komoditi pertanian di negara ini.

“Justeru itu, barangan pertanian jenis ulam-ulaman itu disita dan akan dilupuskan mengikut kaedahpelupusan yang ditetapkan manakala individu yang ingkar boleh dihadapkan prosiding undang-undang mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya dalam satu kenyataan media di sini hari ini.

Nora Dinah berkata, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, tanah dan mikroorganisma tanpa permit, lesen atau perakuan yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

“Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

“MAQIS sentiasa teliti dan cekap dalam menjalankan pemeriksaan terhadap keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara bagi menjamin setiap keluaran pertanian tiada perosak, penyakit atau bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan Malaysia,” katanya.

Maqis sita 10 kontena muatan kayu berkulat dari Latvia



Pegawai penguat kuasa memeriksa kontena membawa dagangan kayu dicemari kulat.

BUTTERWORTH - Sebanyak 10 kontena membawa dagangan kayu dari Latvia diarah berpatah balik ke negara asal selepas penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang dicemari kulat.

Menurut satu kenyataan dikeluarkan, semua dagangan kayu seberat 251 tan metrik bernilai RM203,726 diperiksa di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth (NBCT) pada Selasa.

"Dagangan kayu ini ditahan dan tidak dibenarkan masuk selepas pemeriksaan rutin dilakukan menemui kulat jenis *Trichoderma SP*."

"Kulat ini ditemukan pada kayu jenis *White Birch Logs* (Betula Pendula) yang dibawa menggunakan 10 kontena ke negara ini," katanya.

Tambahnya, kawalan terhadap perosak dan penyakit seperti kulat kayu adalah penting bagi memastikan industri pertanian negara terpelihara terutama melibatkan tanaman ladang dan sebagainya.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, tanih dan mikroorganisma yang mempunyai perosak adalah satu kesalahan," katanya.



BEBERAPA anggota MAQIS Pulau Pinang memeriksa kulat pada kayu dalam 10 kontena di Pelabuhan, Butterworth semalam.

10 kontena kayu berkulat diarah patah balik ke Latvia

BUTTERWORTH: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang mengarahkan 10 kontena yang membawa dagangan kayu seberat 251 tan metrik dari Latvia berpatah balik selepas kayu tersebut dikesan berkulat.

Jurucakap MAQIS negeri berkata, dagangan kayu yang dianggarkan bernilai RM203,726.78 itu tidak dibenarkan masuk ke negara ini selepas pemeriksaan dilakukan di Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth (NBCT) di sini, pagi semalam.

"Kulat jenis 'Trichoderma sp.' ditemukan pada kayu jenis White Birch Logs (Betula Pendula) dalam kesemua kontena yang ingin dibawa masuk.

"Kawalan ke atas perosak dan penyakit seperti kulat kayu adalah penting bagi memastikan industri pertanian negara terpeliharha terutamanya melibatkan tanaman ladang dan lain-lain.

"Justeru, kesemua kontena

diarah berpatah balik ke negara asal mereka (Latvia)," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Kata beliau, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian, tumbuhan, binatang, karkas, ikan, tanah dan mikro-organisma yang mempunyai perosak adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta Perkhidmatan dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.


"Kita komited melakukan tugas di semua pintu masuk negara bagi memastikan keluaran pertanian, tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, produk pertanian, tanah dan mikroorganisma yang masuk atau keluar dari negara ini mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan," kata beliau.

28/8/2024

KOSMO

NEGARA

16



RAZALI menunjukkan ulat putih yang sering kali menyerang bahagian batang padi sehingga merosakkan penanaman padi di Kangar semalam.

352 pesawah terjejas, hasil tuaian dijangka merosot

Ulat gulung daun serang sawah di Perlis

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

KANGAR – Hasil tuaian padi kira-kira 352 pesawah di negeri ini dijangka merosot selepas sebahagian sawah terjejas akibat diserang ulat gulung daun atau dikenali sebagai ulat putih sejak sebulan lalu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad, serangan ulat itu melibatkan kawasan sawah Wilayah 1 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas kira-kira 700 hektar.

"Boleh dikatakan sawah di lima Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di bawah seliaan MADA di negeri ini diserang ulat putih. Serangan tidak menyeluhi dalam satu kawasan sawah, sebaliknya bertompok-tompok,

katanya ketika ditemui di kawasan sawah terjejas di sini kelmarin.

Kata beliau, serangan ulat itu akan merencatkan pertumbuhan, seterusnya merosakkan pokok padi yang dijangka dituai kira-kira dua minggu lagi.

"Serangan ulat ini sering berlaku, namun kaedah kawalan yang berkesan perlu dilakukan bagi mengelak ia merebak ke kawasan sawah lain dan menjadi bertambah serius," ujarnya.

Menurutnya, langkah-langkah pengawalan serangan itu sedang dijalankan dengan menyemprot racun.

"Kemerostan hasil bergantung kepada usia padi dan tahap serius serangan. Jika pokok padi itu sudah mahu dituai, ia tidak banyak terjejas. Keadaan akan menjadi lebih buruk jika

tanaman diserang pada peringkat awal lagi. Jika tidak dikawal, hasil padi di Perlis boleh merosot sekurang-kurangnya 40 peratus," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan negeri, Ku Hashiam Ku Bakar berkata, serangan ulat putih itu berlaku secara mendadak dan hasil padi dijangka berkurangan.

"Kebiasaannya padi yang diserang ulat ini akan menjadi ringan menyebabkan hasil jualan berkurangan. Sawah saya sendiri pun ada yang diserang ulat ini, namun saya telah buat langkah kawalan dengan menyemprot racun.

"Saya sembur racun tiga kali seminggu, namun cuaca ketika ini hujan dan agak menyukarkan pesawah," katanya.

Maqis rampas petai, jering ada ulat di PD

PORT DICKSON – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas buah petai dan jering yang didapati mengandungi ulat *Mussidia pectinicornella* di Laluan Jeti Penumpang Port Dickson, di sini, minggu lalu.

Pengarah Maqis Melaka dan Negeri Sembilan, Nora Dinah Abdul Rahman berkata, tindakan dibuat ke atas kemasukan seketak buah jering dan petai seberat empat kilogram (kg) dengan anggaran nilai RM200 dari Dumai, Indonesia.

Menurutnya, hasil pertanian itu dikesan selepas pemeriksaan rutin dijalankan pegawai penguat kuasa Maqis.

"Produk pertanian tersebut tidak mempunyai sebarang dokumen pengimportan yang sah seperti sijil fitosanitasi atau pengesahan bahawa rawatan atau keperluan-keperluan yang dinyatakan di dalam permit import telah dipatuhi.

Ujar Nora Dinah lagi, barangan pertanian tersebut telah disita dan akan dilupuskan mengikut kaedah pelupusan yang ditetapkan.



PETAI yang didapati mengandungi ulat *Mussidia pectinicornella* yang dirampas di Laluan Jeti Penumpang Port Dickson minggu lalu.



Malay



Scholarships & Bursaries
Explore Financial Assistance with Us
T&C apply



AM > BERITA

700 Hektar Sawah Di Perlis Hadapi Masalah Serangan Ulat Putih

🕒 27/08/2024 12:45 PM



KANGAR, 27 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 700 hektar sawah melibatkan 352 petani di lima kawasan pertubuhan peladang di Perlis, mengalami masalah serangan ulat gulung daun atau dikenali sebagai ulat putih bagi musim satu tahun ini, setakat semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan negeri Razali Saad berkata lima kawasan di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) itu ialah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Arau, PPK Kayang, PPK Kangar, PPK Tambun Tulang, dan PPK Simpang Empat.

Beliau berkata serangan ulat sebelum musim menuai itu akan menyebabkan hasil padi yang diusahakan petani berkurangan kerana ia membantutkan jangka masa proses pengeluaran padi.

"Serangan ulat gulung daun ini dipercayai berlaku (sejak) sebulan lepas dan dijangka menjejaskan pendapatan para petani yang akan mula menuai padi mereka kira-kira dua minggu akan datang sekiranya masalah ini berterusan tanpa kawalan.

"Hasil pendapatan petani akan merosot, bergantung pada usia padi yang terkena serangan ulat, kalau terkena (serangan ulat itu) pada peringkat pertengahan ini, minimum kita boleh kehilangan (anggaran) 40 peratus daripada hasil yang dijangka," katanya kepada pemberita selepas meninjau sawah yang terdampak dengan


BERNAMA - 700 Hektar Sawah Di Perlis Hadapi Masalah Serangan Ulat Putih

Razali berkata tindakan awal dilakukan pihak MADA adalah dengan melakukan pemantauan berkala selain memberikan penerangan dan menyediakan racun bersesuaian kepada petani terlibat untuk mereka mengatasi serangan ulat itu.



"Bagi pihak kerajaan negeri, setakat ini kita sudah panggil agensi berkaitan untuk mesyuarat, selebihnya kita tunggu daripada pihak kementerian (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan)," katanya.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial),

[@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

KATA KUNCI

mada ulat putih ulat gulung daun razali sarad lima ppk sawah petani perlis

Ulat gulung daun serang 700 hektar sawah di Perlis

KANGAR - Sebanyak 700 hektar sawah melibatkan 352 petani di lima kawasan pertubuhan peladang di Perlis, mengalami masalah serangan ulat gulung daun atau juga dikenali sebagai ulat putih bagi musim satu tahun ini, setakat Isnin.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan negeri Razali Saad berkata, lima kawasan di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) itu ialah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Arau, PPK Kayang, PPK Kangar, PPK Tambun Tulang, dan PPK Simpang Empat.

Beliau berkata, serangan ulat gulung daun sebelum musim menuai akan menyebabkan hasil padi yang diusahakan petani berkurangan kerana ia membantutkan tumbesaran pokok padi.

"Serangan ulat ini dipercayai berlaku sejak sebulan lepas dan dijangka men-

jejaskan pendapatan para pesawah yang akan mula menuai padi kira-kira dua minggu akan datang.

"Jika terkena pada peringkat pertengahan, minimum kita boleh kehilangan 40 peratus daripada hasil yang dijangka," katanya kepada pemberita selepas meninjau sawah yang terlibat dengan serangan ulat itu dekat sini.

Razali berkata, tindakan awal dilakukan pihak MADA adalah dengan melakukan pemantauan berkala selain memberikan penerangan dan menyediakan racun bersesuaian kepada petani terlibat untuk mereka mengatasi serangan ulat itu.

"Bagi pihak kerajaan negeri, setakat ini kita sudah panggil agensi berkaitan untuk mesyuarat, selebihnya kita tunggu daripada pihak Kementerian (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan)," katanya. - Bernama

FOTO: BERNAMA



Ulat gulung daun atau dikenali sebagai ulat putih yang memakan daun padi, sekaligus membantutkan tumbesaran pokok padi.

700 hektar sawah diserang ulat putih

Pendapatan pesawah di Perlis musim ini terjejas selepas serangan terkini lebih teruk

Oleh Aizat Sharif

bhnews@bh.com.my

Kangar: Tidak hanya di Kedah, serangan ulat gulung daun yang menyebabkan pertumbuhan padi terencat dan merosakkan pokok padi kini turut melanda beberapa kawasan penanaman padi bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Perlis.

Walaupun serangan ulat gulung daun atau ulat putih itu sudah menjadi kelaziman dalam kalangan pesawah negeri ini setiap kali musim penanaman padi, ia dilihat mampu mengurangkan

hasil pendapatan pesawah dalam jangka panjang.

Ku Hashim Ku Bakar, 66, yang mengusahakan sawah seluas dua hektar di Permatang Keriang, Simpang Empat, berkata serangan ulat gulung daun itu di kesan sejak dua minggu lalu.

"Kita lihat serangan ulat ini agak mendadak pada musim ini. Setiap musim memang akan berlaku kejadian seumpama ini, namun kali ini ia begitu ketara.

"Serangan ulat ini boleh menjejaskan hasil pendapatan petani berbanding musim lalu berikutan banyak hasil padi rosak.


"Ulat gulung daun ini diperkayai datang dari hama rama-rama yang bertelur di dedaun padi yang kemudian membiak dalam cuaca tidak menentu. Jadi walaupun hujan, ulat ini masih dapat membiak dengan banyak, katanya ketika ditemui melakukan tinjauan sawah di kawasan Simpang Empat, di sini, kelmarin.

Ku Hashim yang juga Pengurus Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) E1 Simpang Empat, Kangar, berkata sebagai langkah kawalan dia sudah menyebarkan racun di beberapa bahagian sawah bagi mengelakkan kerosakan padi yang lebih banyak.

40 peratus pendapatan merosot

Sementara itu, EXCO Pertanian, Perlindungan dan Industri Maknan negeri, Razali Saad, berkata Perlis mempunyai lima PPK di bawah seliaan MADA Wilayah 1 iaitu Guar Sanji, Tambun Tulang, Simpang Empat, Kayang serta Kangar dan setiap musim penanaman padi, masalah seperti itu pasti timbul, namun tidak serius seperti kali ini.

"Pada musim ini serangan ulat gulung daun dilihat agak serius dan meningkat berbanding musim lalu yang mana pada musim penanaman padi musim 1/2024, sebanyak 700.19 hektar kawasan



Serangan ulat gulung daun merosakkan padi selian MADA sekitar Simpang Empat, Kangar, semalam. (Foto Aizat Sharif/BH)

penanaman padi didapati terjejas akibat serangan ulat ini berbanding musim setahun lalu yang dianggarkan 698 hektar sahaja.

"Walaupun 20 peratus daripada keluasan keseluruhan kawasan padi MADA, iaitu 19,094.53 hektar terbabit, ia ternyata menjejaskan pendapatan 352 petani di keseluruhan kawasan ini.

"Di kawasan E1 Simpang Empat sahaja, pendapatan 273 petani dilaporkan terjejas akibat serangan ulat ini," katanya.

Razali yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Empat berkata, taksiran kasar dilakukan pihaknya menda-pati 40 peratus pendapatan petani merosot akibat serangan ini.

"Kerajaan negeri sudah pun

berhubung dengan agensi pertanian yang berkaitan untuk mencari penyelesaian," katanya.

Ulat gulung daun mampu bertelur 250 biji dan perlu dihapuskan dengan cepat kerana ia dapat membiak dengan banyak dan larvanya menetas dalam masa lima hari sahaja dan pada masa itulah larva ini menyerang daun dari peringkat muda dan dewasa.

Larva ulat itu menyerang pokok padi daripada peringkat awal pertumbuhan sehingga padi berbuah dengan menggulung daun dan mencantumkan di bahagian hujung dan larva itu akan memakan bahagian hijau daun sehingga meninggalkan bahagian kutikanya sahaja, sekali gus merosakkan struktur daun padi.

SERANGAN ULAT GULUNG DAUN

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Serangan ulat guling daun kini turut melanda beberapa kawasan penanaman padi di bahagian selatan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di negeri ini.

Kedua-dua itu mengakibatkan kerosakan pokok dan merencat pertumbuhan padi, sekali gus mengurangkan hasil pendapatan petani.

Kemunculan ulat guling daun atau dikenali sebagai ulat putih ini sudah menjadi kelaziman dalam kalangan pesawah padi di negeri ini setiap kali musim penanaman padi.

Petani Ku Hashiam Ku Bakar, 66, yang mengusahakan tanaman padi seluas dua hektar di Permatang Keriang, Simpang Empat di sini, berkata, serangan ulat guling daun ini dikesan berlaku sejak dua minggu lalu.

"Kita lihat serangan ulat ini agak mendadak pada

musim ini kerana memang setiap musim akan berlaku perkara serupa ini, namun ia tidaklah begitu ketara seperti pada musim ini.

"Serangan ini mampu menjejaskan hasil petani di mana pendapatan menjadi merosot berbanding musim lalu berikutan banyak hasil padi yang rosak.

"Ulat guling daun ini dipercayai datang dari hama rama-rama yang bertelur di dedaun padi yang kemudian ia membiak dalam cuaca yang tidak menentu," katanya ketika ditemui di sini, kelmarin.

Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Ei Simpang Empat itu berkata, sebagai langkah kawalan, semburan racun dilakukan di beberapa bahagian sawah padanya bagi mengelakkan

kerosakan padi yang lebih banyak.


Sementara itu, Exco Pertanian, Perlindungan dan Industri, Makanan negeri, Ruzali Saad berkata, setiap musim penanaman padi, masalah terbit akan timbul, namun ia tidak serius seperti musim ini.

Menurutnya, pada musim ini, serangan ulat guling daun ini dilihat agak serius dan meningkat berbanding musim lalu.

"Penanaman padi musim 1/2024, sebanyak 700.19 hektar kawasan terjejas akibat serangan ulat ini berbanding musim 1 tahun lalu yang dianggarkan sekitar 698 hektar sahaja.

"Walaupun hanya 20 peratus sahaja daripada keluasan keseluruhan kawasan tanaman padi Mada, namun ia menjejaskan pendapatan sekitar 352 pe-

Dah 2 minggu 'megganas'



ULAT guling daun yang merosakkan padi.

Gambar
NSTP/AIZAT
SHARIF

tani di kawasan ini lebih-lebih lagi di kawasan Ei Simpang Empat.

"Kerajaan negeri sudah berhubung dengan agensi pertanian berkaitan dalam mencari penyelesaian," katanya.



SEBANYAK 700.19 hektar kawasan didapati terjejas akibat serangan ulat guling daun bagi penanaman padi musim 1/2024.

Berjaya usahakan ladang nanas walau bermula tanpa pengalaman

Peladang manfaat bantuan LPNM tingkat kualiti pengeluaran hasil pertanian

Oleh **Abnor Hamizam Abd Manap**
binews@bh.com.my

Kuala Pilah: Tidak ramai yang mahu mengambil risiko mencuri bidang pertanian tanpa ke-mahiran dan pengalaman, teru-tama membabitkan tanaman ber-skala besar.

Namun bagi Aminin Abu Ras-hid, 54, dia membuktikan selagi ada kemahuan semua boleh di-lakukan dengan syarat ia disertai dengan minat dan kesungguhan. Aminin yang berpengalaman dalam industri minyak dan gas lebih 20 tahun, menerangkan di-ri mengambil risiko mengusaha-kan tanaman nanas MD2 di Kam-pung Juasseh Tengah, di sini.

Bermula dengan percubaan ta-naman itu di Tangkak, Johor ber-sama seorang rakan, usahanya itu berjaya sebelum mengambil keputusan mengembangkan ta-naman nanas di Kuala Pilah.

Aminin berjaya memajak ta-nah seluas 43.2 hektar milik ke-



rajaan negeri bagi tanaman na-nas atau nama saintifik-

nya, *Ananas Comosus*.

"Saya tak ada penga-laman dalam menanam nanas dan hanya be-lajar dari YouTube se-belum mengikuti pel-bagai kursus dianjur-kan Lembaga Perusaha-an Nanas Malaysia (LPNM) supaya mendapat ilmu yang ber-guna.

"Sebaik kerajaan negeri melu-luskan pajakan tanah bagi tem-poh selama 15 tahun, saya me-mulakan projek tanaman nanas pada awal 2021.

"Buat permulaan, saya banya-gunya 0.8 hektar dengan menanam 30,000 benih nanas dengan semua kos permulaan ketika itu meng-gunakan modal sendiri," katanya ketika ditemui BH.

Aminin berkata, ketika ini la-nan hektar daripada keselu-ran tanah sudah diusahakan de-ngan tanaman nanas.

Katanya sejak ditanam, sudah dua kali nanas dituai dan ha-silnya dijual kepada penduduk

setempat dan pelbagai syarikat lain.

Aminin menyasarkan 28 hektar atau 70 pera-tus daripada keselu-ran tanah pajakan itu akan ditanam nanas menjelang akhir 2026 di ladang nanas dikenali, Seri Nanas Farm.



Tangani masalah timbul

Katanya, selepas mengenal pasti masalah didapati, tidak semua ta-nah di sini yang boleh ditanam nanas. Masalah itu termasuk ta-nah berada di kawasan rendah dan digenangi air yang tidak se-suai ditanam nanas.

Bagaimanapun, katanya caba-ran utamanya ketika ini untuk menyediakan benih berkualiti bagi membolehkan sasaran itu dicapai.

Menurutnya, bagi setiap satu hektar tanaman, sebanyak lebih kurang 15,000 anak benih diper-lukan dan bagi mencapai sasaran 70 peratus penanaman nanas, se-banyak lebih kurang 400,000 anak benih diperlukan dan ia satu ca-



Aminin menunjukkan nanas MD2 yang ditanam di ladang Seri Nanas Farm di Kampung Juasseh Tengah, Kuala Pilah. (Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

baran untuknya.

"Biarpun baru empat tahun terbabit dengan tanaman ini, sa-ya dapati nanas MD2 mendapat permintaan bukan sahaja oleh syarikat berkaitan tetapi juga penduduk setempat.

"Orang ramai akan datang ke Seri Nanas Farm bukan sahaja untuk membeli nanas segar, te-tapi produk hiliran seperti jus nanas segar dan nanas potong," katanya.

Aminin berkata, biarpun ada cadangan untuk mengeksport na-s ke luar negara, dia mahu

memberi fokus kepada pasaran tempatan terlebih dahulu ber-kutan nanas mempunyai pasaran meluas di dalam negara.

Katanya, dia turut bercadang mengembang tanaman nanas di negeri lain dan sedang meneliti kawasan sesuai sebelum mem-buat keputusan mengenalnya.

"LPNM banyak membantu un-tuk saya mengembangkan peru-sahaan ini, malah agensi itu bu-kan sahaja menyediakan kursus berkaitan tanaman nanas, tetapi juga anak benih bermutu dan peralatan," katanya.

GENTAR panduan kakitangan NAFAS bebas rasuah

PETALING JAYA - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) melancarkan Strategi Pambanterasan Rasuah Organisasi (OACS) bagi 2024 hingga 2028 yang dikenali sebagai GENTAR, pada Selasa.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia merupakan panduan kepada kakitangan NAFAS dalam usaha pemantauan tatakelola melalui prinsip ketelusan, keberkesanan pentadbiran, berintegriti dan antirasuah.

"Reformasi tadbir perlu dilakukan segera merangkumi tatakelola itu datang daripada (jawatan) paling atas iaitu Perdana Menteri, menteri-menteri hingga ke Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan pegawai tinggi lain.

"Kita boleh melihat terutama sekali dalam kalangan pegawai kerajaan atau menteri. Kita tahu kalau pegawai kerajaan pangkat ini,

gaji dia (banyak) ini, pendapatan dia begini. "Tapi kalau kita lihat kehidupannya itu luar biasa, sudah tentulah kita kena siasat di mana pendapatan yang luar biasa itu. Belum tentu rasuah, tapi kita kena siasat." katanya ketika sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran OACS 2024-2028 atau GENTAR pada Selasa.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Maftuz Omar, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS,

Datuk Zamri Yaakob; Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim; Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Governans Nasional Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Mohd Gunawan Che Ab Aziz dan Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Farris Ariffin.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, integriti merupakan aspek paling penting dalam memerangi rasuah dan bukannya undang-undang.

"Undang-undang ini kadang-kadang ada 'jalan' boleh elak tapi integriti ini jarang boleh elak, dia sendiri yang perlu mendisiplinkan diri (untuk jauhi rasuah)," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob berkata, lima aspek utama GENTAR adalah pentadbiran, tadbir urus korporat, perolehan, kewangan dan operasi bakal menjadi panduan kakitangan NAFAS.

Tambah beliau, ia sekali gus dapat memberi impak yang besar kepada penyampaian perkhidmatan yang diberikan NAFAS kepada rantaian LPP di seluruh negara.

Katanya, panduan berkenaan juga akan dimanfaatkan di setiap peringkat organisasi bagi memastikan OACS atau GENTAR tidak sia-sia.

"Pada masa akan datang, ia juga dapat memberi impak yang besar kepada



(Dua dari kiri) Zamri dan Mohamad bersama tetamu kehormat lain ketika Majlis Pelancaran Strategi Pambanterasan Rasuah Organisasi (OACS) bagi 2024 hingga 2028 yang dikenali sebagai GENTAR, pada Selasa.

penyampaian perkhidmatan yang diberikan NAFAS kepada rantaian LPP di seluruh negara.

"Selain itu, pengiktirafan NAFAS sebagai badan awam di bawah Akta SPAM adalah wajar bagi memelihara dan memastikan kepentingan kerajaan dan ahli-ahli peladang lebih terjamin.

"Ini merupakan satu pengiktirafan yang perlu dipikul dengan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah dan tadbir urus LPP," ujarnya.

Menurutnya, kebersamaan semua pihak adalah penting dalam usaha

meningkatkan sahshiah dan integriti di dalam organisasi, seterusnya kepada negara.

Tambah beliau, NAFAS kini telah dikategorikan sebagai risiko sederhana bagi penarafan 2023 berbanding risiko tinggi pada 2020.

"Syabas kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang dilaksanakan dalam usaha pencegahan rasuah serta berkaitan tadbir urus dan integriti di NAFAS.

"Semoga usaha kita akan berterusan sehingga NAFAS dapat dikategorikan sebagai risiko rendah bagi penarafan seterusnya kelak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2024	TRDI.MY	ONLINE	

33,300 Anak Benih Dilepaskan, Tingkat Hasil Tangkapan



Marang, 27 Ogos- Program pelepasan benih ikan berupaya meningkatkan sumber perikanan semulajadi sekali gus memberi manfaat ekonomi jangka panjang kepada penduduk kampung.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Berangan, Sulaiman Sulong berkata, sebagai inisiatif memulihara sumber perikanan sungai dan memperkayakan biodiversiti akuatik, Jawatankuasa

Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Pengkalan Berangan dengan kerjasama Jabatan Perikanan Daerah Marang telah melepaskan 33,300 benih ikan di sungai kampung berkenaan.

"Program ini bukan sahaja untuk menambah stok ikan di sungai, tetapi juga sebagai usaha untuk mendidik masyarakat mengenai kepentingan menjaga ekosistem air tawar yang berharga ini.

"Sebanyak 33,300 benih ikan pelbagai spesies seperti siakap, baung, ikan baung serta udang udang galah telah dilepaskan ke dalam sungai tersebut.

"Benih-benih ikan ini diharapkan dapat membiak dan menyumbang kepada peningkatan hasil tangkapan bagi komuniti setempat di masa akan datang," ujarnya.

Katanya, inisiatif tersebut juga bertujuan memulihkan populasi ikan di sungai-sungai tempatan yang telah terjejas akibat aktiviti pembangunan dan pencemaran.

"Dengan adanya program perlepasan benih ikan seperti ini, kita dapat memastikan kelangsungan ekosistem sungai serta menyediakan sumber pendapatan tambahan kepada penduduk melalui aktiviti perikanan.

"Ini juga selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk membangunkan sektor perikanan secara mampan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi JPKK Pengkalan Berangan, Suhaimi Mohamad berkata, pihaknya sentiasa bersedia untuk terus bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk kampung.

"Program seperti ini sangat bermakna kepada penduduk tempatan. Kami akan terus menyokong inisiatif yang dapat membawa manfaat kepada komuniti, termasuklah dalam bidang perikanan dan pertanian," ujarnya.

Pengimport China 'intai' durian kampung Malaysia

Musang king dijual RM350 sebiji

PETALING JAYA – Para pengimport durian dari China sedang mengkaji untuk membawa masuk durian jenis lain, selain musang king ke pasaran negara berkenaan.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, antara yang tersenarai adalah durian kampung.

"Sama-sama kita berdoa agar pada masa hadapan, durian kampung juga akan dapat per-

mintaan yang tinggi di China.

"Susulan itu, semua penanam durian akan turut menikmati hasil daripada usaha ini," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi hantaran di Facebook selepas mengadakan lawatan ke gudang pembungkusan dan pengedaran durian segar di sebuah syarikat di Shenzhen, kelmarin.

Dalam masa sama, beliau turut teruja dengan permintaan yang sangat tinggi terhadap

durian musang king dari Malaysia di Shenzhen.

"Tempoh masa yang diambil untuk durian segar Malaysia di-edarkan ke outlet-outlet jualan di Shenzhen hanya mengambil masa dua hari sahaja.

"Saya lihat durian jenis musang king Malaysia dijual sekitar RM350 sebiji di sini dan mendapat permintaan yang amat tinggi.

"Hanya dalam masa beberapa jam, kesemua stok telah habis terjual," tambahnya.



MOHAMAD (lapan dari kanan) ketika dibawa melawat ke gudang pembungkusan dan pengedaran durian segar oleh syarikat Joy Ming Mau, Shenzhen di China. – IHSAN | FACEBOOK MOHAMAD SABU

NEW BENCHMARK IN AGRI SECTOR

JOHOR BARU: The 2024 Agriculture Census surveyed 193,095 households and 3,134 business establishments that have engaged in agricultural activities in Johor on Aug 9.

A day earlier, a total of 71,842 households (36.6%) and 613 business establishments (19.6%) were successfully accounted for.

The census, which is currently being conducted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM), was launched on July 7 nationwide and is expected to be accounted for on Oct 10.

On this occasion, Agriculture Census commissioner Dr Mohd Uzir Mahidin joined Johor deputy commissioner (technical) Mazreha Ya'akub, supervisors and census takers as they surveyed mussel farmers in Kampung Kuala Masai, Johor Baru.

Also present was the Orang Asli Development Department (JAKOA) for the state of Johor, director Faisal Long.

The state topped the list as the largest mussel producer in the country, with an annual production of more than 2,000mt and an export value of RM4.7mil.

Besides Johor Baru, Mohd Uzir also monitored census activities in the districts of Muar, Tangkak, Kulai and Batu Pahat.

The 2024 Agriculture Census residency programme involving agencies from the agriculture sector and district offices was held in all districts in Johor.

Census covers over 190,000 households and 3,000 business establishments in Johor



also helps to identify and measure the progress of the national agriculture sector, including crops, livestock, fisheries, forestry and logging.

The information obtained from this census can also be used to monitor and evaluate the impact of agricultural programmes that have been implemented.

It will also assist in devising steps to enhance the productivity and sustainability of the agriculture sector.

The success of the 2024 Agriculture Census requires the cooperation of all household entrepreneurs, institutions and organisations involved in agricultural activities.

DOSM had launched OpenDOSM NextGen as a platform providing data catalogues and visualisations to facilitate users in analysing various data, accessible via the portal open.dosm.gov.my.

Visit www.myagricensus.gov.my for more information.

The theme is "Agriculture Census: The Key to Agricultural Progress."

The Government has declared Oct 20 each year as the National Statistics Day (MyStats Day). The theme this year is "Statistics, the pulse of life."

DOSM celebrates its 75th Diamond Jubilee anniversary this year.

Mohd Uzir scouping up mussels off Kampung Kuala Masai, Johor. The state topped the list as the largest mussel producer in the country, from which farmers would find the 2024 Agriculture Census vital.

an added value of RM17.21bil.

The crops subsector was the largest contributor to the agriculture sector in the state, accounting for 67.88%, followed by livestock with 25.36% and fisheries at 6.59% last year.

The census plays a vital role in the country's planning and development by providing necessary

information to create agricultural indicators for socio-economic purposes.

With the information collected through the census, the Government can make better decisions in planning and implementing agricultural policies, particularly for Johor.

The 2024 Agriculture Census